

PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti kementerian/jabatan/agensi serta pengurusan syarikat Kerajaan dan mengemukakan laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat.
2. Pengauditan pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan dan Negeri dilaksanakan selaras dengan peruntukan kuasa Ketua Audit Negara di bawah Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957. Seksyen ini memperuntukkan kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit badan lain termasuk syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 (Pindaan 2016) yang menerima pemberian atau pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan atau Negeri. Perkara ini juga termasuk sesebuah syarikat yang lebih daripada separuh modal syer berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan. Selain itu, Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2017 [P.U(A) 294] telah diwartakan pada 30 September 2017 bagi menyenaraikan syarikat-syarikat yang boleh diaudit.
3. Pengauditan pengurusan syarikat Kerajaan dilaksanakan berfokus terhadap pencapaian objektif penubuhan syarikat dengan meneliti tiga aspek berikut:
 - i. elemen tadbir urus korporat syarikat supaya selaras dengan amalan terbaik tadbir urus korporat;
 - ii. pengurusan program/aktiviti utama syarikat dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan berhemat; dan
 - iii. analisis kedudukan kewangan syarikat bagi penyata kewangan beraudit untuk tempoh tiga tahun terkini.
4. Laporan ini mengandungi hasil pengauditan terhadap enam syarikat Kerajaan Persekutuan. Pemerhatian Audit telah dikemukakan kepada Ketua Pegawai Eksekutif syarikat yang berkenaan. Pihak pengurusan syarikat juga telah dimaklumkan mengenai isu yang dibangkitkan dalam Mesyuarat Penutup. Selain itu, surat pengesahan (confirmatory letter) juga telah dikemukakan sebelum laporan ini dimuktamadkan. Dalam laporan ini, hanya penemuan Audit yang penting sahaja dilaporkan untuk memaklumkan kelemahan yang dikesan. Bagi meningkatkan lagi pencapaian objektif penubuhan syarikat dan menambah baik perkara yang dibangkitkan, saya telah mengemukakan syor yang boleh diambil tindakan oleh syarikat Kerajaan Persekutuan berkenaan. Penambahbaikan berterusan adalah penting bagi memastikan agenda awam yang ditetapkan dilaksanakan, wujudnya kelestarian jangka panjang dan penciptaan nilai tambah dalam syarikat.

5. Saya juga bersyukur kerana dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) semasa pandemik Covid-19, Jabatan Audit Negara masih meneruskan pelaksanaan pengauditan dalam norma baharu dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara.

6. Sistem *Auditor General's Dashboard* (AGD) telah dibangunkan bagi memaparkan isu dan status tindakan terkini mengenai Laporan Ketua Audit Negara. Mekanisme ini berjaya membantu kementerian/jabatan/agensi/syarikat Kerajaan untuk menyalurkan maklum balas dengan cepat dan pantas. Hal ini membuktikan komitmen dan keprihatinan Kerajaan dalam menjelaskan kedudukan terkini isu Laporan Ketua Audit Negara dalam meningkatkan akauntabiliti dan ketelusan kepada pihak awam.

7. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai syarikat Kerajaan Persekutuan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan Audit Negara yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(DATUK SERI NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

28 Februari 2022